

## Dari Meja TNC (HEP)



Y. Bhg. Dato' Profesor Dr. Hashim Yaacob

## Tamu Semalam

Tamu semalam  
yang datang dari lebat hujan  
kuberi makan  
persalinan dan tilam untuk bermalam.

Tapi bila reda hujan  
dia menghilang  
Dicacakkannya sebilah belati  
pada hati.

••• Hashim Yaacob  
TNC (HEP)

# SURAT LAYANG

Ayahanda merasa sedih membaca beberapa surat layang yang memburuk-burukkan orang lain. Melempar fitnah begini adalah besar dosanya. Mempercayai akan fitnah itu dikira sebagai bersubahat dan adalah juga berdosa.

Kalau ada sesuatu yang kita tidak berpuashati, datanglah kemuka, kita boleh selesaikan. Jangan lempar batu sembunyi tangan. Kita semua ini bukannya mahasiswa dan kakitangan universiti yang terpelajar dan mempunyai pertimbangan?

Bagi yang suka memfitnahkan orang melalui surat-surat layang atau mulut, cubalah baca dan hayati firmah Allah SWT ini. Semoga kita dapat petunjuk:

### Surah Al-Hujurat 19:12:

..... *Avoid Suspicion as much as possible;*

*For Suspicion In Some Cases is Sin:*

*and spy not on each other, no speak ill of each other behind their back. Would any of you like to eat the flesh of your dead brother? Way, ye would abhor it .....*

## Selamat Menempuh Peperiksaan Semester I Sesi 2001/2002

Pesanan dari kami Sidang  
Redaksi BICARA HEP:

1. Buat persiapan yang terbaik.
2. Beri tumpuan sepenuhnya pada pelajaran.
3. Jangan biarkan diri dipengaruhi anasir-anasir luar yang mengganggu tumpuan anda untuk belajar.
4. Jangan sesekali membawa nota yang dilarang dan menipu dalam bilik peperiksaan.
5. Jawab dengan tenang.
6. Kami doakan anda semua berjaya dengan cemerlang.

# SECANGKIR KOPI KELAT....

oleh: Abdul Jalil Othman  
Pensyarah Fakulti Pendidikan

Seorang pendaki, mana mungkin tiba ke puncak, bahkan mungkin tersungkur jika tumpuannya bercabang. Seorang penyelam, mana mungkin menjumpai mutiara jika niatnya turut bercabang-cabang. Hari ini, jika anda berdiri di hadapan cermin dan cuba memandangi wajah sendiri, anda akan tahu siapakah diri anda – seorang yang merdeka atau seorang yang belum merdeka. Seorang yang merdeka bererti anda bebas daripada dijajah oleh pengaruh-pengaruh negatif atau kegiatan yang tidak berfaedah. Seorang yang belum merdeka bererti anda masih membenarkan

diri anda dihasut oleh anasir-anasir karut.

Meminjam kata-kata Dato' Prof. Dr. Hashim Yaacob, TNC kita, merdekakanlah diri anda daripada tindakan-tindakan yang merugikan agar anda sentiasa dipandang mulia. Mahasiswa yang masih terlibat dengan aktiviti-aktiviti yang tidak bermanfaat adalah mereka yang masih belum merdeka dan fikiran mereka masih terjajah! Kata pantun lama kita:

**Menanam bunga di dalam pasu  
Bunga melati bunga pandan  
Jangan ikut hawa nafsu  
Kelak nanti badan binasa**

**Jangan dibuka pintu lukah  
Jika dibuka ikan meluru  
Jangan suka mencari salah  
Salah kita baiki dahulu**

Hari ini anda sebagai pendaki. Anda juga sebagai penyelam. Mendaki untuk tiba ke puncak. Menyelam untuk sebutir mutiara. Langkah anda pada hari ini adalah seribu langkah pada esok hari menuju matlamat – menaiki pentas dan di situlah anda bakal menerima segulung ijazah sebagai tanda sempurna sudah anda berguru dan sempurna sudah menimba ilmu.

Renungilah kata-kata ini : ***In life we shall find many men that are great, and some men that are good, but very few men that are both great and good.*** Jadi, anda bagaimana?

## MAHASISWA DAN PEPERIKSAAN

oleh: Mohd Fakhrurazi Ibrahim

Menjelang penghujung setiap semester pengajian, mahasiswa Universiti Malaya sibuk membuat persediaan dan persiapan untuk menghadapi peperiksaan. Peperiksaan itu adalah penentu kesinambungan pengajian mereka dan tanda aras kecemerlangan mahasiswa menjalani hidup di gedung ilmu. Dalam kesibukan itu, kita akan lihat ramai mahasiswa kita yang memenuhi Perpustakaan Utama yang selama ini tidak pernah dijengah, apatah lagi bertanya khabar buku-buku di situ. Di waktu ini, kedai-kedai fotostad mengaut keuntungan berlipat ganda dengan kehadiran tamu-tamu mahasiswa untuk membuat salinan nota. Inilah dia budaya peperiksaan mahasiswa kita.

Apabila ditenung dan ditilik, maka terkenang cerita orang tua-tua tentang kesukaran mereka dahulunya mencari guru dan ilmu. Setelah dibanding dan dinilai, maka kita tentu tertanya tentang nilai ilmu

yang ada pada mahasiswa kini. Sebatikah ilmu dengan jiwa dan semangat hidup mereka?

Zaman ini, ilmu cukup luas dan merata. Mencari ilmu dan guru bukanlah suatu yang sukar. Tepuk dada tanya selera. Tidak dinafikan bahawa mahasiswa kita bermaklumat ketika melangkah ke Dewan Peperiksaan namun semua itu tidak menjadi ilmu manfaat apabila melangkah keluar dari dewan tersebut. Ramai dari kalangan mereka membawa maklumat yang dihafal dan tidak difahami sepenuhnya serta gagal disebatikan dengan diri sebagai ilmu. Ini semua gara-gara belajar di saat akhir menjelang peperiksaan dan tidak memberi tumpuan kepada pengajaran dan pembelajaran yang diharungi selama ini. Namun didoakan agar tidak semua begitu.

Mahasiswa! Di samping peperiksaan yang akan datang, periksalah juga diri anda untuk teladan akan datang. Sejauh mana anda berlumba-lumba mengejar ilmu? Sekuat mana anda berusaha mencari pengalaman? Bersediakah anda untuk menjadi mahasiswa cemerlang dalam pelajaran dan pengalaman? Ulangkajilah pelajaran untuk peperiksaan dan ilmu di masa depan. **Mudah-mudahan anda berjaya dengan cemerlang.**

## TUNTUTAN INSURAN PELAJAR

Satu perbincangan di antara Bahagian Hal Ehwal Pelajar dengan Syarikat **MNI** telah diadakan di Bilik Mesyuarat TNC, Hal Ehwal Pelajar pada 15.8.2001.

Perbincangan tersebut yang dipengerusi oleh Timbalan Naib Canselor (HEP) telah mencapai kata sepakat untuk menyelesaikan tuntutan insuran pelajar yang masih belum selesai dan tertanggung.

Hasil dari perbincangan, Bahagian Hal Ehwal Pelajar bersetuju supaya pelajar diberi penjelasan bahawa tuntutan yang tidak disertakan mana-mana dokumen berikut tidak dipertimbangkan oleh **MNI**.

1. Laporan perubahan yang sah dan lengkap
2. Surat keluar/masuk wad (jika berkenaan)
3. Bil rawatan perubahan

Pelajar harus faham dengan skop pampasan seperti mana yang ditetapkan oleh **MNI** seperti Berikut:

### Skop dan Amaun Perlindungan

- |   |                                    |
|---|------------------------------------|
| 1. Kematian                                   | RM5,000                            |
| 2. Kematian (kemalangan)                      | RM30,000                           |
| 3. Keilatan kekal                             | RM5,000                            |
| 4. Keilatan kekal (akibat kemalangan)         | mengikut skala pampasan kecederaan |
| 5. Perbelanjaan Perubatan (akibat kemalangan) | <u>maksimum</u> RM2,000            |
| 6. Perbelanjaan Penguburan                    | RM2,000                            |
| 7. Manfaat Wad Hospital (akibat kemalangan)   | RM60.00 sehari (maksimum 60 hari)  |

Tuntutan hendaklah dikemukakan ke Bahagian Hal Ehwal Pelajar dalam tempoh satu bulan dari tarikh berlaku insiden.

Bahagian Hal Ehwal Pelajar telahpun mengeluarkan notis tentang prosedur permohonan, skop dan amaun perlindungan ke semua kolej kediaman dan Fakulti/Akademi/Pusat pada 28.8.2001.

*Disediakan oleh: Aziah Saad*

## BAHASA KITA BAHASA DUNIA

### Penggunaan Kata Ganti Singkat "Ku"

*K*ata ganti singkat *ku* bagi Allah atau Tuhan ditulis dengan huruf besar *Ku* dalam ejaan Rumi bahasa kita. Tanda (-) digunakan bagi menghubungkan *Ku* dengan kata yang ada di depannya untuk menyatakan milik atau kepunyaan Tuhan atau merujuk kepada Tuhan.

Contoh penggunaan:

- i. Tidakkah mereka takut pada *seksaan-Ku*?
- ii. Orang yang beriman sentiasa memohon petunjuk-*Ku*.
- iii. Mereka itu tergolong orang yang mengingkari perintah-*Ku*.



## Wise Words

Every one of you is a shepherd and every one is responsible for what he is shepherd of.

📖 Prophet Muhammad

Sumbangan:  
Puan Rohani Ramly

## Terima Kasih

Penghargaan dari HEP kepada warga kampus yang memberi maklumbalas bagi setiap keluaran BICARA HEP. Sudilah apa kiranya maklumbalas akan datang dikemukakan secara bertulis ke Pejabat Timbalan Naib Canselor, HEP demi meningkatkan kualiti penerbitan.

Ejaan kita menjadi salah kalau *Ku* dipisahkan atau dirangkaikan tanpa tanda sempang dengan kata yang ada di depannya. Contoh:

Betul	Salah
ilmu-Ku	ilmuKu; ilmu Ku
hidayat-Ku	hidayatKu; hidayat Ku
seksaan-Ku	seksaanKu; seksaan Ku
keredaan-Ku	keredaanKu; keredaan Ku.

Contoh tambahan:

Kalau kulurut padiku ini,  
-Kalau kulurut pecah batang;  
Kalau kuturut hatiku ini,  
-Kalau kuturut salah datang.

Sumber: Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP)  
oleh: Abdul Razak Halifa

Bersambung di keluaran ke 14

## Kenali Warga HEP

**B**eliau merupakan anak kelahiran Batu Rakit, Kuala Terengganu. Memperolehi Ijazah Sarjana Muda Kaunseling, Fakulti Pendidikan dari Universiti Malaya.

Kini beliau bertugas sebagai **Pegawai Runding-cara** di Seksyen Kaunseling dan Kerjaya, Bahagian Hal Ehwal pelajar.

Harapannya kepada pelajar-pelajar agar mengambil langkah yang sewajarnya dalam meminimumkan rasa kecewa, kebimbangan dan kegagalan dalam membuat sesuatu keputusan agar ia tidak merugikan diri sendiri ke arah mencapai wacana sendiri dan memperolehi manfaat peribadi. Semoga tindakan yang diambil membawa kepada perkembangan potensi diri ke arah yang lebih positif.

Beliau mempunyai azam yang tinggi dan berharap semoga tugas yang dijalankan dapat memuaskan semua pihak. Sikap kerjasama dan saling bantu membantu antara satu sama lain merupakan satu budaya yang berkesan dan cemerlang.

**Moto Hidup:** *Hormatilah orang lain jika rasa ingin dihormati dan sayangilah orang lain jika diri ingin disayangi*



Zaiton Mamat

## Pemimpin Persatuan Pelajar

### SIAPA SEPATUTNYA DI RUANGAN INI?

Saudara Pimpinan Persatuan/Kelab/JTK Kolej!

Berdasarkan kepada surat Y. Bhg. Dato' Profesor Dr. Hashim Yaacob, Timbalan Naib Canselor (HEP) bertarikh 25 Jun 2001, Presiden/Pengerusi bagi setiap Persatuan/Kelab/JTK Kolej diminta untuk mengemukakan sekeping gambar berukuran "passport", biodata diri dan maklumat ringkas Persatuan/Kelab/JTK Kolej untuk dimuatkan dalam ruangan ini. Persatuan/Kelab/JTK Kolej yang telah menunjukkan rasa tanggungjawab menyahut seruan ini ialah:

1. JTK Kolej Kediaman Pertama, Universiti Malaya
2. JTK Kolej Kediaman Kedua, Universiti Malaya
3. JTK Kolej Kediaman Pantai Puri, Universiti Malaya
4. JTK Kolej Kediaman Tun Ahmad Zaidi, Universiti Malaya
5. Kelab Kung Fu, Universiti Malaya
6. Kelab Motor Universiti Malaya
7. Kelab Orator dan Puisi, Universiti Malaya
8. Persatuan Mahasiswa Universiti Malaya (PMUM)
9. Persatuan Mahasiswa Kedah (PERMADAH)
10. Persatuan Mahasiswa Perlis (PEWARIS)
11. Sekretariat Rakan Muda Universiti Malaya

### Di mana yang lain?

## Dairi HEP

22 September 2001

☐ **NADI Hal Ehwal Pelajar** dengan kerjasama **Persatuan Pelajar**, Universiti Malaya menganjurkan "Program Berjalan Untuk Perpaduan". Program ini dijalankan untuk memupuk semangat perpaduan di kalangan warga kampus yang terdiri dari berbilang bangsa, agama dan kebudayaan. Bermula jam 8.00 pagi di Dataran Gazebo, Kompleks Perdanasiswa, UM. Warga kampus adalah dipelawa menyertai program ini. Syarat-syarat penyertaan boleh berhubung terus dengan Encik Shapariy Mohd Din (Tel: 7967 3506).

☐ **Derma Darah Kebangsaan 2001**, Kolej Kediaman Kelima, Universiti Malaya. Program ini akan dijalankan seperti berikut:

- A. **13 - 14 Oktober 2001**, di Terminal 1 Seremban (Negeri Sembilan) dan Angsana Plaza (Johor Bahru) dari jam 9.00 pagi hingga 5.00 petang.
- B. **20 - 21 Oktober 2001**, di Mahkota Parade (Melaka), dari jam 9.00 pagi hingga 5.00 petang.
- C. **27 - 28 Oktober 2001**, di Bukit Jambul (Pulau Pinang), dari jam 9.00 pagi hingga 5.00 petang.

## Makluman

Sebarang penulisan membina dan iklan-iklan yang ingin dimuatkan di dalam Bicara HEP boleh dikemukakan kepada:

**Bahagian Hal Ehwal Pelajar**  
Blok E, Kompleks Perdanasiswa  
Universiti Malaya.

Untuk perhatian:  
Encik Mohd Fakhurulrazi atau  
Encik Abdul Razak Halifa

Tel: 79673563/3291 Faks: 79568611

## • • Redaksi • •

### Penasihat

Y. Bhg. Dato' Prof. Dr. Hashim Yaacob  
Timbalan Naib Canselor (HEP)

### Penggerak/Jawatankuasa

Puan Rohani Ramly  
Encik Mohd Fakhurulrazi Ibrahim  
Encik Abdul Razak Halifa  
Encik Azim Aziz  
Encik Mohd Na'aim Muhd Noh